

MAHATHIT - CUKAI

(I)

DARI AFFENDI ARIFFIN DAN HAMZAH SULAIMAN

1984

PARIS, 24 JAN (BERNAMA) --- MALAYSIA MEMINTA BANTUAN PERANCIS SUPAYA MENGGUNAKAN IKHTIARNYA SEBAGAI ANGGOTA KESATUAN EKONOMI EROPAH (EEC) BERHUBUNG DENGAN CADANGAN NEGARA-NEGARA EEC UNTUK MENGGUNAKAN CUKAI KEATAS BEBERAPA BARANG KELUARAN MALAYSIA.

DIANTARA CUKAI ITU IALAH CUKAI PENGGUNAAN YANG DICADANGKAN DIKENAKAN KEATAS MINYAK SAWIT DAN MINYAK ISI SAWIT YANG SEKARANG PUN DIKENAKAN DUTI IMPORT MASING-MASING 12 DAN 13 PERATUS.

CADANGAN CUKAI PENGGUNAAN ITU, PERANCIS DIBERITAHU, AKAN MENYULITKAN LAGI MALAYSIA

PERKARA TERSEBUT ADALAH DIANTARA ISU PERDAGANGAN DUA HALA YANG DITIMBULKAN SEMASA PERBINCANGAN ANTARA PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DAN RAKAN SEJAWATANNYA DARI PERANCIS, ENCIK PIERRE MAURY.

KEDUA-DUA PEMIMPIN YANG BERUNDING SELAMA SEJAM KAMUDIAN DISERTA OLEH PARA PEGAWAI KANAN MASING-MASING.

MAHATHIR CUKAI 2 PARIS

SEORANG JURUCAKAP ROMBONGAN MALAYSIA MEMBERITAHU PARA PEMBERITA MALAYSIA MALAM TADI BAHAWA MALAYSIA JUGA MEMINTA PERANCIS UNTUK MEMBANTU MENAMBAHKAN KUOTA SEKARANG SEBANYAK 78,000 METER PADU YANG DIKENAKAN KE ATAS IMPORT PAPANLAPIS MALAYSIA YANG BEBAS CUKAI SEBELUM DIKENAKAN CUKAI EKSPORT BERSAMA.

PIHAK PERANCIS, KATA JURUCAKAP ITU, BERSETUJU MENIMBULKAN PERKARA ITU DI PERINGKAT EEC WALAUPUN MEREKA TIDAK DAPAT MEMBERI SEBARANG JAMINAN.

DALAM UCAPAN DI PERMULAAN PERBINCANGAN ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR BERCAKAP TENTANG HUBUNGAN PERANCIS-MALAYSIA YANG BERTAMBAH BAIK SEJAK LAWATAN ENCIK MAUROY DALAM TAHUN 1982.

LAWATAN ITU TELAH MENYEBABKAN HUBUNGAN LEBIH KERAP DI KALANGAN PENIAGA KEDUA-DUA NEGARA, KATANYA.

ENCIK MAUROY JUGA MENYUARAKAN RASA PUAS HATI TERHADAP HUBUNGAN KEDUA-DUA NEGARA DAN BAHAWA LAWATAN DATUK SERI DR. MAHATHIR AKAN MEMPERKUKUHKAN HUBUNGAN TERSEBUT. -- LAGI 1720/MB

ZCZC B642

MAHATHIR - CUKAI 3 PARIS

ENCIK MAUROY MENGAMBIL PERHATIAN PENCAPAIAN EKONOMI MALAYSIA DAN BERIKRAR PERANCIS AKAN MEMBANTU MALAYSIA DAN LAIN-LAIN NEGARA MEMBANGUN DALAM RANCANGAN PENGINDUSTRIAN MEREKA.

JURUCAKAP ITU BERKATA SEMASA PERBINCANGAN TERSEBUT, KEDUA-DUA BELAH PIHAK BERSETUJU MENKAJI KEMUNGKINAN MENUBUHKAN JAWATANKUASA BERSAMA BAGI MEMUPUK KERJASAMA PENDIDIKAN DAN TEKNIK ANTARA MEREKA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR MEMBERITAHU PIHAK PERANCIS TENTANG MINAT MALAYSIA UNTUK MENARIK LEBIH RAMAI PELABUR PERANCIS.

KEDUA-DUA BELAH PIHAK JUGA BERSETUJU UNTUK BERUSAHA MENSEIMBANGKAN PERDAGANGAN ANTARA KEDUA-DUA NEGARA YANG KINI MEMIHAK PERANCIS.

JURUCAKAP ITU BERKATA PERDANA MENTERI BERCAKAP TENTANG RANCANGAN MALAYSIA UNTUK MEMODENKAN KERETAPINYA DAN BAHAWA JEPUN SEDANG MEMBANTU MENJALANKAN KAJIAN KEMUNGKINAN.

PERDANA MENTERI PERANCIS BERKATA MEREKA JUGA AKAN MENINJAU KEMUNGKINAN MENGHANTAR ROMBONGAN KE MALAYSIA UNTUK MEMBUAT KAJIAN KEMUNGKINAN SEUMPAMA ITU. -- LAGI 1824/MB

MAHATHIR - CUKAI 4 PARIS

MESYUARAT ITU DIHADIRI OLEH MENTERI PEMBANGUNAN NEGARA DAN LUAR-BANDAR DATUK SANUSI JUNID, KETUA SETIAUSAHA KEMENTERIAN LUAR TAN SRI ZAKARIA ALI DAN DUTA MALAYSIA KE PERANCIS TAN SRI ABDUL RAHMAN JALAL.

PIHAK PERANCIS DIWAKILI OLEH MENTERI PERDAGANGAN LUAR PUAN EDITH CRESSON, MENTERI PEMBANGUNAN BANDAR ENCIK PAUL QUILES DAN DUA ORANG MENTERI KABINET LAIN.

DALAM PERTEMUAN MEREKA SEBELUM ITU, KEDUA-DUA PERDANA MENTERI TELAH MEMBINCANGKAN KEADAAN ANTARABANGSA, HUBUNGAN TIMUR-BARAT, PERLUCUTAN SENJATA DAN KESELAMATAN ANTARABANGSA DAN ASIA BARAT.

SEBELUM MESYUARAT ITU, DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG DALAM HARI KEDUA LAWATAN RASMINYA KE SINI TELAH MENEMUI 30 ORANG PENIAGA DAN PENGUSAHA PERANCIS DAN MEMBERITAHU MEREKA TENTANG POTENSI PELABURAN DAN KESTABILAN POLITIK DAN EKONOMI DI MALAYSIA. -- BERNAMA 1830/MB